



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 10, October 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal

Budi Anto Mohd Tamring¹, Saidatul Nornis Hj. Mahali¹

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Budi Anto Mohd Tamring (budi@ums.edu.my)

Abstrak

Komposisi penduduk Sabah yang memperlihatkan kerencaman yang terlalu tinggi dilihat agak kompleks berbanding di Tanah Melayu yang secara umumnya hanya tertumpu kepada tiga kelompok utama iaitu Melayu, Cina dan India. Walaupun begitu, pelbagai analogi mahupun kenyataan telah dikeluarkan oleh ramai ahli politik mahupun media dengan memberikan kenyataan bahawa penduduk di negeri Sabah memiliki sikap keterbukaan atau toleransi yang tinggi. Kenyataan tersebut dibuktikan dengan keadaan masyarakat di Sabah yang tidak pernah berhadapan dengan konflik etnik mahupun menimbulkan isu-isu yang menjadi kegusaran penduduk disebabkan oleh perbezaan etnik. Justeru itu, objektif utama makalah ini adalah menjelaskan keadaan hubungan etnik di Sabah dengan menggunakan kaedah analisis kajian-kajian lepas. Kenyataan mengenai keadaan hubungan antara etnik di Sabah yang harmoni perlu disandarkan dengan bukti asas yang kukuh melalui kajian-kajian saintifik dan bukannya berdasarkan kepada pendapat peribadi semata-mata. Hasil analisis beberapa kajian lepas menunjukkan hubungan kaum atau etnik di Sabah sememangnya baik. Faktor-faktor seperti sistem pemerintahan penjajah, keadaan masyarakat yang bercampur secara semula jadi sebelum kedatangan penjajah, ikatan kekeluargaan melalui kahwin campur berbeza etnik mahupun agama merupakan asas kepada keharmonian dalam masyarakat.

Kata Kunci: toleransi etnik, interaksi etnik, hubungan kaum, Sabah

Ethnic Relations In Sabah: A Preliminary Observation

Abstract

In general, the high composition of population diversity in Sabah is more complex as compared to those in Malaya which are focused to only three main groups namely Malay, Chinese and Indian. Many analogies and statements from various political figures and the media have stated that the population in Sabah are highly receptive and tolerant. The statement can be proven by the absence of ethnic conflicts or issues caused by ethnic differences among the multi-ethnic population of Sabah. Therefore, the main objective of this paper is to explain the state of ethnic relations in Sabah by using the analysis method of previous studies. The declaration of Sabah having a harmonious multi-ethnic relationship should be based on solid evidence through scientific researchs and not based on personal opinions. The analysis of several previous studies show that race or ethnic relations in Sabah are indeed good. Factors such as the colonial government system, the establishment of a mixed society before colonization, family ties through intermarriage of different ethnicities or religions are the basis of harmony in a society.

Keywords: ethnic tolerance, ethnic interaction, ethnic relations, Sabah

Pengenalan

Indikator penting yang dilihat untuk mengukur hubungan antara kelompok dalam masyarakat sama ada baik ataupun tidak adalah melalui interaksi dan toleransi dalam masyarakat. Interaksi atau toleransi walau bagaimanapun boleh dilihat dalam pelbagai dimensi atau perspektif sama ada dalam dimensi agama, kelas, negeri dan sebagainya. Artikel ini akan memfokuskan penjelasan tentang interaksi dan toleransi di Sabah dengan menjadikan kajian-kajian sarjana lepas sebagai asas untuk membuat penilaian tetapi hanya terhad dalam konteks dimensi hubungan antara kaum ataupun etnik. Selain itu, artikel ini juga bertujuan menjelaskan konsep atau teori yang popular dalam menjelaskan hubungan antara kaum khususnya kajian yang berkaitan interaksi dan toleransi dalam masyarakat.

Sempadan Etnik dan Jarak Sosial

Konsep “sempadan etnik” dan “jarak sosial” adalah dua konsep yang penting dalam penyelidikan berhubung interaksi dan toleransi antara etnik. Justeru kedua-dua konsep ini perlu difahami maksudnya dan kepentingannya. Fredrik Barth (1969) menjelaskan kumpulan etnik adalah kumpulan-kumpulan sosial yang mempunyai ciri-ciri perbezaan budaya. Ciri-ciri perbezaan budaya ini menjadikan kumpulan-kumpulan tersebut unik dan berbeza antara satu sama lain seperti dari segi bahasa, cara hidup, agama, sejarah dan pelbagai ciri-ciri perbezaan yang lain. Barth menegaskan bahawa kumpulan etnik terbentuk dari kuasa kebudayaan dan kebudayaan ini terbentuk daripada pengalaman sejarah dan persekitaran manusia (Barth, 1969 dalam Malesevic, 2004: 3). Barth menjelaskan perbezaan antara kumpulan etnik atau etnisiti dengan menggunakan istilah sempadan etnik.

“ethnicity, it is a set of delineated boundaries between neighboring groups, and individuals are primarily concerned with maintaining these boundaries in order to explain one’s identity, often in a relative, comparative manner” (Barth, 1969)

Penelitian Barth mengenai kumpulan-kumpulan sosial dalam masyarakat telah mencetuskan idea ke arah penyelidikan mengenai hubungan antara kumpulan etnik dalam sesebuah masyarakat. Barth telah mengemukakan teori sempadan etnik atau *ethnic boundaries* untuk mengkaji etnisiti. Etnisiti adalah konsep yang bukan sahaja merujuk kepada perbezaan antara kumpulan budaya termasuk perbezaan warna kulit, ciri-ciri fizikal, bahasa, agama, adat, kewarganegaraan, pengalaman sejarah dan wilayah tempat tinggal, tetapi lebih kepada penjelmaan nilai atau kesedaran tentang perkongsian nilai antara individu dalam kumpulan dan membezakan ahli kumpulan etnik dengan individu dari kumpulan etnik lain (Deng, 1997; Gordon, 1964; Cockerham, 1995: 357).

Verdery (1994) dalam menjelaskan teori sempadan etnik yang dikemukakan oleh Barth menegaskan bahawa sempadan etnik wujud kerana kesedaran di kalangan anggota kumpulan etnik yang membezakan antara “anggota kumpulan” (*insider*) dengan “orang luar” (*outsider*). Kesedaran tentang pengasingan atau pemisahan ini juga disebut sebagai pemisahan “kita” dan “mereka” atau “*us*” dan “*them*” (Verdery, 1994: 35). Menurut Barth, perbezaan antara kumpulan wujud, dibangunkan dan dikekalkan adalah melalui interaksi di kalangan anggota dan di antara anggota merentasi kumpulan etnik (Malesevic, 2004: 3). Justeru, fokus dalam kajian etnik menekankan kepada perbezaan antara kumpulan-kumpulan etnik dan sejauhmana anggota sesuatu kumpulan etnik berinteraksi dan membentuk hubungan sosial merentasi sempadan etnik. Menurut Eriksen (1993), teori sempadan etnik Barth menjelaskan bahawa sempadan etnik wujud daripada interaksi di kalangan anggota-anggota masyarakat dan hasil daripada interaksi tersebut membolehkan mereka mendefinisikan dan mengkategorikan siapa diri mereka dan orang lain, iaitu *us* dan *them* (Eriksen, 1993: 10).

Pemikiran Barth ini adalah satu permulaan yang telah membawa pembaharuan dalam kajian etnisiti. Menurut Barth, sempadan etnik antara anggota dalam masyarakat sama ada jelas atau tidak jelas

bergantung kepada interaksi antara mereka (Malesevic, 2004: 99). Barth memahami sempadan etnik sebagai sesuatu yang tidak kekal dan ia boleh berubah-ubah bergantung daripada interaksi yang diperlihatkan oleh individu dalam masyarakat. Misalnya, individu mungkin akan bertindak mengikut pertimbangan sempadan etniknya dan juga mungkin akan bertindak di luar daripada sempadan etniknya. Sekiranya tingkah laku individu dilihat untuk kepentingan diri maka sempadan etnik tidak begitu dipentingkan. Tetapi sekiranya tingkah laku individu melibatkan kepentingan etnik maka pertimbangan sempadan etnik akan diutamakan (Malesevic, 2004: 99). Misalnya tindakan individu dalam soal membuat keputusan untuk memilih pasangan dalam soal perkahwinan. Individu mungkin akan bertindak memilih pasangan dalam lingkungan kawalan sempadan etnik, iaitu berkahwin dengan individu dari kumpulan etnik sendiri (endogami) atau mungkin juga bertindak memilih pasangan dari kumpulan etnik lain (eksogami), iaitu perkahwinan merentasi sempadan etnik. Cohen (1978) menegaskan lagi makna sempadan etnik yang digambarkan oleh Barth sebagai sesuatu yang cair (*fluid*) atau dengan erti kata lain sesuatu yang boleh berubah-ubah. Menurut Cohen;

“Ethnicity is not so concrete or black-and-white, but rather a fluid concept by which members distinguish “in-groups” from “out-groups,” and which can be in a state of constant change due to various situational applications” (Cohen 1978: 388).

Sebagai contoh, kajian Astuti (1995) menjelaskan bagaimana konsep sempadan etnik digunakan dan difahami dalam kajian mengenai hubungan etnik dalam masyarakat. Astuti mengaplikasikan teori sempadan etnik dalam kajiannya di Madagaskar untuk memahami hubungan etnik antara kumpulan etnik Vezo dan Masikoro. Astuti menjelaskan bahawa kedua-dua kumpulan etnik ini menunjukkan sempadan etnik yang jelas dari segi budaya dan cara hidup akan tetapi sempadan etnik ini boleh berubah-ubah mengikut tingkah laku anggota-anggota masyarakatnya. Keadaan ini menurut Astuti menunjukkan sempadan etnik dalam masyarakat Vezo dan Masikoro mudah berubah. Ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan etnik boleh bertukar identiti dan kembali kepada identiti asal dengan menyesuaikan dan mengamalkan cara hidup kumpulan yang ingin disertai (Astuti 1995: 469). Misalnya, sekiranya individu dari kumpulan etnik lain mempunyai kemahiran berenang, membuat perahu dan mahir dalam kegiatan di laut seperti anggota kumpulan etnik Vezo, maka individu itu bagi anggota kumpulan etnik Vezo adalah sebahagian daripada kumpulan mereka. Begitu juga kumpulan etnik Masikoro. Sekiranya seseorang individu dari kumpulan etnik lain mempunyai kemahiran dalam kegiatan perladangan atau pertanian, maka individu itu diterima sebagai anggota kumpulan etnik Masikoro. Keadaan di Madagaskar ini menunjukkan hubungan antara kumpulan etnik Vezo dan Masikoro adalah rapat dan saling bergantungan antara satu sama lain. Situasi sempadan etnik antara masyarakat Vezo dan Masikoro di Madagaskar ini amat selari dengan penerangan Barth dalam teorinya mengenai sempadan etnik seperti berikut;

“ethnicity easily explains the two groups’ coexistence. There are very clear symbolic boundaries between them, and to claim oneself as a member, one must meet all terms of qualification for that particular group” (Barth, 1969 dalam Modzelewski 2004:2)

Penelitian hubungan antara anggota kumpulan yang berlainan etnik berdasarkan teori Barth ini selaras dengan konsep jarak sosial (*social distance*) yang dikemukakan oleh ramai pengkaji lain untuk melihat hubungan antara individu dan kumpulan-kumpulan yang berlainan identiti dalam masyarakat. Barth melihat kesedaran anggota kumpulan etnik membentuk sempadan sempadan etnik ini ditentukan melalui tingkah laku ahli-ahli kumpulan etnik tersebut (Malesevic, 2004: 3). Walau bagaimanapun, sempadan etnik ini boleh berubah-ubah mengikut perubahan tingkah laku anggota-anggotanya. Misalnya, dua kumpulan etnik yang mempunyai budaya yang berbeza secara sosialnya mempunyai sempadan etnik yang jelas. Walau bagaimanapun, sempadan etnik ini boleh menjadi longgar sekiranya kedua-dua anggota kumpulan etnik ini mempunyai persamaan agama dan persamaan yang lain. Dalam keadaan seperti ini, walaupun sempadan etnik jelas antara individu yang berlainan etnik dan agama tetapi kedua-dua individu ini boleh menjadi rapat (jarak sosial menjadi rapat) sekiranya salah seorang daripada mereka ini bertukar agama.

Teori jarak sosial pula muncul seawal tahun 1924 dan dihasilkan oleh Park dan Bogardus untuk memahami hubungan sosial dalam masyarakat (Bogardus, 1925: 216-225). Pengukuran jarak sosial yang dikemukakan oleh Bogardus (1925) seterusnya telah melalui pelbagai perkembangan oleh sarjana-sarjana lain seperti Pitirim Sorokin (1927), Ossowski (1963), Bordieu (1984) dan Prandy (1999). Ossowski (1963) menjelaskan jarak sosial (*social distance*) adalah istilah yang sering digunakan untuk menjelaskan hubungan antara kumpulan-kumpulan sosial dalam masyarakat yang berbeza kedudukan atau stratifikasi (Ossowski, 1963:9). Perbezaan yang wujud antara anggota masyarakat boleh membentuk jarak sosial apabila perbezaan sosial antara mereka dikenal pasti mempunyai kedudukan hierarki atau dimensi ketaksamaan yang berbeza dalam masyarakat. Misalnya seperti status, reputasi, harta kekayaan, pendapatan, pekerjaan, pendidikan, kemahiran, gender, bangsa, etnisiti, umur, kekurangan (kecacatan), jantina, agama dan perbezaan-perbezaan lain (Bottero, 2005:5). Terdapat banyak pendekatan yang diperkenalkan oleh sarjana sosiologi dan antropologi untuk memahami jarak sosial dalam masyarakat. Kebanyakan pengkaji-pengkaji sosiologi dan antropologi menjelaskan jarak sosial sebagai kedudukan individu yang relatif dalam struktur sosial masyarakat dan jarak sosial adalah gambaran tahap pengasingan antara kumpulan-kumpulan yang ditentukan melalui ciri-ciri tertentu. Misalnya jarak antara orang miskin dengan orang kaya adalah perbezaan ekonomi (Bottero, 2005: 5).

Menurut Bottero (2005) jarak sosial antara anggota kumpulan etnik dalam masyarakat dikenal pasti sebagai tidak rapat sekiranya anggota kumpulan tersebut jarang bekerjasama antara satu sama lain. Ini bermakna individu atau kumpulan-kumpulan dalam masyarakat yang dikenal pasti secara sosialnya berbeza-beza boleh membentuk jarak sosial bergantung kepada interaksi yang wujud antara mereka. Ciri-ciri antara anggota kumpulan-kumpulan dalam masyarakat boleh menjadi terlalu berbeza seperti kelas, status, bangsa, agama dan sebagainya tetapi boleh menjadi rapat dalam hubungan sosial apabila kumpulan-kumpulan ini membentuk hubungan seperti kawan dan hubungan perkahwinan (Bottero, 2005: 7). Bogardus (1925) sebagai sarjana awal yang mengemukakan kaedah pengukuran jarak sosial dalam kajianya, memahami jarak sosial dalam masyarakat dengan memberi penekanan kepada penerimaan individu terhadap individu lain yang berbeza etnik, agama dan negara dan diukur melalui label keintiman dalam pelbagai bentuk hubungan seperti berjiran, berkawan, berkahwin, rakan sekerja dan sebagainya (Bottero, 2005: 8).

Manakala Pitirim (1927) menegaskan bahawa jarak sosial antara individu dalam masyarakat adalah bergantung dengan nilai perbezaan antara mereka seperti status keluarga, kewarganegaraan, agama, kumpulan etnik, pekerjaan, parti politik, status ekonomi, bangsa dan sebagainya (Sorokin, 1927). Tahap jarak sosial antara individu dalam masyarakat sama ada jarak yang besar atau kecil bergantung dengan berapa banyak ciri-ciri perbezaan yang wujud antara mereka. Berdasarkan pendekatan Sorokin ini, jarak sosial antara individu difahami boleh wujud apabila mereka berbeza dari segi etnik tetapi individu ini boleh rapat sekiranya mempunyai persamaan lain seperti menganut agama yang sama (Bottero, 2005:6).

Selain pendekatan yang diperkenalkan oleh Bogardus (1925) dan Sorokin (1927) terdapat beberapa lagi pendekatan lain yang diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji lain. Pendekatan yang paling popular digunakan oleh ramai pengkaji untuk memahami jarak sosial ialah pendekatan Bordieu (1984). Pendekatan ini dikenali sedemikian bersempena dengan nama pengkaji yang memperkenalkan pendekatan tersebut (Bottero, 2005:8). Pendekatan ini menjelaskan jarak sosial dalam masyarakat tidak ditentukan berdasarkan kepada ciri-ciri persamaan atau perbezaan yang boleh dilihat dalam masyarakat seperti etnik, agama, kelas, status dan sebagainya tetapi bergantung kepada persamaan dan perbezaan keinginan individu dalam masyarakat. Pendekatan ini menekankan bahawa hubungan antara individu dan ahli kumpulan yang mempunyai keinginan yang sama akan menjadi lebih rapat berbanding individu dan kumpulan lain yang mempunyai keinginan yang berlainan. Dua kumpulan atau individu yang mempunyai perbezaan keinginan ini akan membentuk jarak antara mereka.

Bordieu melihat jarak sosial dalam masyarakat melalui gaya hidup yang terbentuk daripada keinginan individu dan menjelaskan bagaimana gaya hidup ini membentuk interaksi yang berbeza-beza antara individu ataupun antara pertubuhan-pertubuhan yang terbentuk daripada sekumpulan masyarakat yang mengamalkan gaya hidup atau keinginan yang sama (Bottero, 2005:8). Menurut Prandy (1999), gaya

hidup boleh berubah-ubah dan ia bergantung kepada interaksi sosial yang berlaku dalam masyarakat. Sekiranya interaksi antara individu yang berbeza gaya hidup atau keinginan kerap berlaku maka kecenderungan untuk menjadi sama dari segi gaya hidup boleh berlaku. (Prandy, 1999: 229).

Secara umumnya, pendekatan-pendekatan untuk memahami jarak sosial yang digunakan oleh beberapa pengkaji di atas menjelaskan bahawa bentuk hubungan sosial dalam masyarakat (interaksi antara mereka) yang menentukan *the nature of stratification order* (Bottero, 2005: 7). Perbezaan antara individu, kumpulan atau pertubuhan mengikut pendekatan ini hanya dilihat sebagai cara untuk mengenal pasti kemungkinan jarak sosial yang boleh wujud dalam masyarakat tetapi perbezaan-perbezaan tersebut bukan sebab utama yang menjadikan hubungan dalam masyarakat menjadi renggang (Bottero, 2005: 7). Jika interaksi sosial kerap berlaku antara anggota kumpulan-kumpulan dalam masyarakat, maka mereka akan secara sosialnya rapat. Jika interaksi sosial jarang berlaku, maka anggota kumpulan-kumpulan ini akan membentuk jarak sosial antara mereka.

Beberapa pengkaji di atas menekankan bahawa jarak sosial dalam masyarakat adalah bergantung kepada bentuk hubungan yang wujud. Hubungan dalam masyarakat boleh wujud sama ada rapat atau renggang adalah bergantung kepada peluang-peluang yang ada khususnya peluang-peluang berinteraksi dan bukan disebabkan oleh ciri-ciri perbezaan atau persamaan antara mereka. Ini bermakna jarak sosial dalam masyarakat perlu difahami bergantung kepada peluang-peluang dan pilihan anggota masyarakat untuk mereka berinteraksi dengan anggota yang lain dan bukan hanya melihat ciri-ciri perbezaan antara mereka semata-mata. Mc Farland dan Brown (1973) menjelaskan konsep jarak sosial seperti berikut;

"according to an interaction notion of social distance, low distances should be assigned between individuals or groups who are likely to be involved in such social interactions as living near each other, seeing each other socially, intermarriage, having friends or relatives in the other group, moving from one group to the other, or merely approving of each other. High distances should be assigned where such social interactions are unlikely" (McFarland dan Brown, 1973: 227)

Walaupun kedua-dua teori ini amat popular dalam menjelaskan tentang hubungan antara kaum atau ras tetapi banyak lagi teori lain yang kekal dan masih diguna pakai oleh ramai sarjana sehingga kini. Terdapat banyak kajian-kajian lepas telah dilakukan di Tanah Melayu yang menggunakan perspektif teori yang berbeza-beza semenjak merdeka sehingga ke hari ini dan memperlihatkan dapatan kajian yang masih menunjukkan hubungan antara kaum berada pada garis-garis ketekunan. Beberapa kajian terbaru khususnya dalam dekad tahun 2000-an masih lagi membincangkan tentang wujudnya kelompongan dalam hubungan antara masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Misalnya kajian Shamsul (2008), Hubungan etnik di Malaysia: Mencari Kejernihan dalam Kekeruhan menjelaskan keadaan masyarakat majmuk di Malaysia sebagai *stable tension*. Kajian Hamdah et al. (2011) tentang tahap hubungan sosial dan patriotisme dalam kalangan pelajar tahun satu di Kampus Johor Bahru UTM mendapati tahap hubungan pelajar adalah berada pada tahap sederhana. Mohd Ridhuan (2010) dalam kajiannya tentang Cabaran Integrasi antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan menyatakan bahawa kajian berkaitan dengan integrasi kaum di Malaysia agak kompleks. Ini kerana, sosio politik setiap kaum bersifat perkauman. Suraya (2014) dalam kajiannya yang bertajuk Mengenal pasti Isu dan Punca Konflik yang mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat di Malaysia mendapati bahawa pada tahun 2011 dan 2012, sebanyak 12 kategori insiden konflik telah berlaku. Selain faktor isu sejagat, alam sekitar, sara hidup, keselamatan dan tadbir urus kerajaan, isu yang berkaitan dengan agama dan kaum menjadi punca konflik. Ini bermakna masyarakat di Malaysia masih lagi mempunyai sifat yang rendah toleransi antara mereka kerana mereka masih mempersoalkan sensitiviti kaum dan agama. Demikian juga kajian Suresh (2014) yang bertajuk Etnisiti dan Interaksi Sosial dalam kalangan Murid Pelbagai Etnik di Bilik Darjah mendapati hubungan antara pelajar pelbagai etnik dalam bilik darjah masih berlaku mengikut garis etnik masing-masing. Halipah (2016) menyatakan kajian-kajian empirikal berkaitan hubungan etnik di Malaysia menunjukkan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia lebih selesa berada dalam kelompok etnik masing-masing. Hal itu

dibuktikan melalui kajian beliau berjudul Hubungan Etnik dalam kalangan remaja muslim di UiTM cawangan Pulau Pinang.

Ironinya, populasi di Sabah yang begitu kompleks dengan kelompok-kelompok etnik yang terlalu banyak pula kurang mendapat tumpuan pengkaji-pengkaji tempatan mahupun luar negara. Kemungkinan Sabah kurang menjadi fokus kajian khususnya yang melibatkan isu hubungan antara kaum, kerana penduduk di Sabah sehingga kini memperlihatkan keadaan hubungan yang harmoni antara penduduknya. Kajian-kajian yang bersifat saintifik yang mengkhususnya tentang hubungan antara kaum di Sabah hanya bermula dan menjadi fokus tumpuan sekitar tahun 2000-an dan hanya melibatkan beberapa kajian sahaja. Walau terdapat juga kajian-kajian lepas lain yang dibuat untuk menjelaskan keadaan hubungan antara masyarakat di Sabah tetapi kajian-kajian tersebut tidak memfokuskan kepada perbezaan enik malah melihat dalam konteks yang berbeza dan kebiasaannya adalah agama. Justeru itu, makalah ini hanya akan membuat analisis kepada beberapa kajian yang mengkhusus kepada kajian hubungan antara etnik dan hasil analisis tersebut akan digunakan untuk membuat kesimpulan umum tentang hubungan etnik di Sabah.

Hubungan Kaum di Sabah: Kajian-Kajian Lepas

Dalam konteks negeri Sabah, kajian-kajian lepas yang dibuat di Sabah tentang hubungan etnik secara umum masih terlalu sedikit. Kebanyakan pandangan tentang keharmonian kaum di Sabah banyak diwar-warkan daripada pemimpin politik mahupun akhbar tempatan, tetapi masih terlalu sedikit kajian yang bersifat ilmiah atau empirikal. Kebanyakan pandangan yang diwar-warkan tentang hubungan etnik di Sabah adalah baik berbanding keadaan di Semenanjung Malaysia. Peringkat awal kajian yang bersifat ilmiah dan empirikal tentang hubungan etnik dan toleransi etnik hanya bermula sekitar awal tahun 2000-an yang melibatkan pengkaji seperti Sabihah Osman, Hasan Mat Nor, Kntayya Mariappan dan Budi Anto Mohd Tamring. Memandangkan wujud kekangan terhadap kajian-kajian lepas dalam konteks negeri Sabah, maka penjelasan tentang kajian lepas hanya berkisar terhadap beberapa kajian sahaja.

Salah satu kajian yang bersifat empirikal awal di Sabah membincangkan tentang toleransi etnik adalah kajian Kntayya (2007). Beliau dalam kajiannya yang bertajuk Tahap Toleransi Etnik Di Sabah: Analisis Awal mendapati tahap toleransi etnik dalam kalangan kumpulan etnik di Sabah dikatakan berada pada tahap positif yang agak tinggi. Penerimaan masyarakat Sabah dalam pelbagai bentuk hubungan dilihat menunjukkan tahap toleransi etnik yang tinggi. Walaupun begitu, perbezaan dimensi sosial masih memperlihatkan sedikit sebanyak kecenderungan ikatan keetnikan yang mempengaruhi persepsi atau kesanggupan bekerjasama atau menjalankan hubungan. Perbezaan yang agak ketara ialah penduduk Sabah masih menekankan pemimpin mereka daripada kaum masing-masing. Perkara ini sebaliknya tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang negatif tetapi perlu difahami dalam konteks yang berbeza. Keinginan mereka diwakili oleh pemimpin etnik masing-masing menunjukkan juga penerimaan mereka terhadap pemimpin-pemimpin etnik lain terlibat dalam politik. Sudah tentunya perkara ini juga mengambarkan perkongsian kuasa yang baik dan secara langsung menunjukkan tahap toleransi yang tinggi.

Kajian Budi Anto tentang interaksi dan toleransi etnik dalam kalangan pelajar bumiputera di universiti (2008) juga menunjukkan dapatan yang sama seperti kajian Kntayya. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh agama dalam interaksi dan toleransi etnik. Hasil kajian mendapati, agama tidak mempengaruhi interaksi dan toleransi etnik di Sabah, sebaliknya ia perlu difahami dalam konteks yang melibatkan pelbagai faktor. Antaranya sejarah pembentukan masyarakat di Sabah, pola sistem politik tempatan, pergaulan atau sifat percampuran masyarakat yang berlaku semula jadi tanpa elemen paksaan penjajah, perkahwinan campur, tradisi jual beli di tamu dan pelbagai aspek lain. Hasil kajian ini memperlihatkan hubungan masyarakat di peringkat makro turut mempengaruhi hubungan antara pelajar diperingkat harian mereka di universiti. Pelajar-pelajar bumiputera Bajau dan Kadazandusun yang dijadikan responden dalam kajian ini menunjukkan tahap toleransi yang tinggi. Pengalaman yang mereka lalui di peringkat makro khususnya pengalaman harian mereka sebelum masuk universiti juga perlu diambil kira. Percampuran yang biasa mereka lalui di peringkat harian mereka sebelum menjadi

pelajar di universiti menjadikan mereka tidak mempunyai masalah untuk menerima atau menjalankan hubungan dengan pelajar pelbagai etnik di universiti.

Antara kajian terbaru tentang hubungan etnik di Sabah dibuat oleh Chua, Jasmine & Lailawati (2016) tentang Persepsi Kumpulan Multi etnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. Kajian ini mendapati walaupun-masyarakat di Malaysia cenderung menjadi prejudis terhadap kaum lain tanpa disedari seperti yang dilaporkan dalam kajian-kajian lain tetapi keadaan tersebut tidak ketara di negeri Sabah. Persepsi responden yang terdiri daripada etnik Kadazandusun, Bajau, Murut dan Cina terhadap etnik sendiri dan kumpulan etnik lain lebih banyak bersifat positif berbanding negatif. Empat kumpulan etnik tersebut masing-masing mendakwa bahawa mereka adalah kumpulan etnik yang menghormati kumpulan etnik lain dan mempunyai pemikiran atau sikap terbuka. Walaupun begitu, kajian juga mendapati wujud pelabelan negatif yang diberikan kepada etnik lain. Contohnya, orang Bajau dilabel sebagai kumpulan yang panas baran dan suka bergaduh, orang Cina dikatakan adalah kumpulan etnik yang kedekut dan kurang membantu orang, orang Kadazandusun dilabel sebagai kumpulan etnik yang kuat minum minuman keras, kurang komitmen dan berhasad dengki. Sementara itu, orang Murut dikatakan adalah kumpulan yang kurang berkeyakinan dan malas berusaha. Orang Melayu Brunei pula dikatakan adalah kumpulan yang banyak bercakap dan suka mengkritik. Namun, daripada kenyataan negatif itu unsur prejudis dan stereotaip sesama etnik atau antara etnik adalah tidak ketara. ini bermakna dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa sifat prejudis di Tanah Melayu adalah tinggi berbanding dengan di negeri Sabah. Perjudis yang tinggi merupakan indikator yang menggambarkan tahap toleransi etnik yang rendah. Meskipun wujud pelabelan tertentu terhadap etnik-etnik di Sabah tetapi pelabelan tersebut bukanlah sesuatu yang menimbulkan masalah yang besar sebaliknya ia difahami sebagai sesuatu yang menjadi ciri kaum-kaum tersebut. Keadaan ini menunjukkan masyarakat di Sabah mempunyai tahap toleransi etnik yang tinggi.

Kajian-kajian mengenai toleransi etnik yang menjadikan perkahwinan campur sebagai satu indikator terhadap toleransi etnik juga amat terhad dan liputannya masih berkisar tentang hasil kajian sarjana-sarjana yang sama disebutkan di atas. Dalam konteks masyarakat di Sabah, Kajian tentang kahwin campur boleh dikatakan masih terlalu sikit dan tidak begitu popular sebagai subjek kajian. Isu kahwin campur mula mendapat perhatian para pengkaji sebagai subjek kajian juga hanya bermula sejak awal dekad tahun 2000-an.

Antara kajian awal tentang kahwin campur dikaji oleh Sarjit (2001) tentang Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. Beliau mendapati, Peranakan Punjabi di Sabah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap agama Sikh walaupun mereka berkahwin campur. Kesimpulan kajian ini dibuat berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan generasi muda Punjabi menunjukkan hati yang ikhlas ketika mengadakan upacara agama di Gudwara walaupun mereka tidak fasih berbahasa Punjabi. Peranakan Punjabi di Sabah ketika perkahwinan menunjukkan sikap rela menerima ajaran agama Sikh dengan terbuka dan mematuhi ajaran kitab suci, agar perkahwinan mereka mendapat restu daripada Tuhan dan berkekalan. Selain itu, terdapat juga perbezaan budaya dan identiti antara orang Punjabi di Sabah dan di Semenanjung. Punjabi di Semenanjung khususnya generasi tua masih kuat menentang perkahwinan campur. Perbezaan ini menunjukkan keadaan hubungan masyarakat di Sabah dan di Tanah Melayu adalah berbeza. Penerimaan masyarakat Sikh di Sabah terhadap perkahwinan campur menunjukkan tahap toleransi etnik mereka juga adalah tinggi.

Hasan (2007) dalam kajiannya yang bertajuk Agama dan Hubung kaitnya dengan Toleransi Etnik di Sabah menjelaskan bahawa masyarakat di Sabah dilihat mempunyai persempadan etnik yang tidak selari dengan perbezaan agama. Ini kerana, di Sabah identiti agama tidak boleh dijadikan sebagai identiti khusus sesuatu kelompok etnik. Agama dilihat merentasi kelompok-kelompok etnik. Beliau mengatakan keterbukaan sesebuah keluarga menerima pelbagai anutan membentuk satu kekuatan dalam proses pembinaan keharmonian di negeri ini. Maka tidak menghairankan dapatan kajian beliau terhadap belia-belia Sabah daripada kumpulan etnik Kadazandusun, Bajau, Murut dan Cina menunjukkan kesediaan yang tinggi untuk berkahwin campur. Identiti penduduk Sabah boleh dikatakan tidak mempunyai hubungkait secara langsung dengan identiti agama. Walaupun identiti sesetangah etnik menunjukkan hubungkait identiti etnik dan agama adalah dominan tetapi secara umumnya identiti kaum penduduk Sabah tidak semestinya menggambarkan identiti agama mereka.

Misalnya masyarakat Dusun walaupun ramai yang beragama Kristian tetapi ada juga yang beragama Islam dan menganut agama lain. Demikian juga etnik lain Rungus, Sungai dan Murut. Keadaan ini menjadikan sempadan etnik tidak begitu ketara di Sabah. Percampuran yang mereka lalui di peringkat harian dalam keluarga menjadikan masyarakat di Sabah lebih bersifat terbuka atau mempunyai toleransi yang tinggi.

Kajian Budi Anto (2008) bertajuk Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik juga menjelaskan dapatan yang sama, iaitu perkahwinan campur di Sabah adalah satu amalan yang biasa diterima dalam masyarakat. Etnik peribumi amat terbuka mengamalkan perkahwinan campur di Sabah. Perkahwinan campur antara etnik yang tertinggi adalah dari kalangan etnik Kadazan dengan Cina sepanjang 10 tahun lalu, yakni bermula daripada tahun 1994-2004. Kumpulan kedua tertinggi ialah antara etnik Kadazan dengan bangsa asing ataupun orang Eropah. Ketiga tertinggi melibatkan etnik Cina dengan bangsa asing atau orang Eropah. Menerusi kajian ini juga mendapati bahawa etnik Kadazan dan Cina juga berkahwin campur dengan etnik-etnik lain seperti dengan orang Sarawak, India, Sikh, peribumi sabah lain dan orang Filipina. Justeru boleh dikatakan perkahwinan campur antara etnik di Sabah melibatkan pelbagai etnik berbanding perkahwinan campur di Semenanjung dan Singapura yang hanya melibatkan dua atau tiga etnik sahaja, iaitu Melayu, Cina dan India. Kerencaman perkahwinan campur antara etnik di Sabah menunjukkan fenomena yang begitu menarik dan kerencaman ini mungkin turut berlaku dalam perkahwinan campur antara agama.

Kajian terbaru bertajuk Menjana Keharmonian melalui Kahwin Campur di Sabah telah dilakukan oleh Suraya dan Budi Anto (2015) di daerah Keningau, Sabah. Hasil kajian tersebut mendapati perkahwinan campur merupakan satu amalan yang biasa dalam masyarakat di Keningau. Pola perkahwinan campur yang ditemui melibatkan perkahwinan antara etnik dan juga antara agama dalam masyarakat. Suasana harmoni yang dikecapi masyarakat di Keningau dilihat berpunca daripada amalan kebiasaan dalam masyarakat atau faktor pengalaman pergaulan yang bercampur dalam keluarga dan masyarakat di Keningau hasil daripada perkahwinan merentas etnik dan agama. Keadaan ini yang menjadikan proses perkahwinan berlainan agama tidak menjadi begitu menimbulkan masalah, bahkan pasangan yang berkahwin secara senyap-senyap dan masih mengamalkan agama yang berbeza juga wujud. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa perkahwinan campur telah menjadi medium penyatuan masyarakat pelbagai kaum dan agama di Sabah, namun dalam masa yang sama ia juga masih boleh menimbulkan isu lain. Contohnya seperti isu status agama anak-anak, cara hidup yang masih mengamalkan budaya lama walaupun bertentangan dengan agama, masalah kefahaman agama, wujud kecenderungan bertukar agama lebih dari sekali dan beberapa masalah lain lagi.

Selain itu, amalan ritual kekeluargaan dalam kajian Budi Anto (2018) yang bertajuk Mikorot dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Analisis dari Perspektif Hubungan Etnik juga menjelaskan masyarakat pribumi di Sabah mempunyai tahap toleransi etnik yang tinggi. Kajian ini menjelaskan bagaimana amalan budaya masyarakat Dusun yang dikenali sebagai Mikorot menjadi mekanisma yang mengiktiraf hubungan kekeluargaan dalam masyarakat tanpa melibatkan perkahwinan. Mikorot merupakan amalan ritual minum darah bersama yang bermaksud minum darah sendiri yang telah dicampurkan dengan darah individu atau darah beberapa individu lain. Dua orang individu atau beberapa individu yang telah sama-sama minum darah antara mereka yang dicampurkan akan dianggap sebagai keluarga. Mikorot ini boleh dilakukan antara individu yang sama kaum dan agama ataupun berbeza kaum dan agama. Apabila selesai ritual Mikorot ini dilaksanakan, maka individu atau beberapa orang yang terlibat akan diiktiraf sebagai keluarga dan tidak boleh berkahwin. Jika perkahwinan berlaku antara keluarga terdekat maka undang-undang sogit akan dikenakan mengikut undang-undang tradisi masyarakat Dusun. Amalan seperti ini menunjukkan bahawa toleransi etnik dalam kalangan penduduk peribumi di Sabah adalah tinggi kerana kesanggupan mereka menerima individu dari keluarga lain, kaum lain atau agama lain sebagai keluarga mereka tanpa melibatkan perkahwinan dan hanya perlu melalui ritual adat dalam budaya mereka sahaja.

Sementara itu, kajian Budi Anto dan Saidatul (2020) bertajuk Amalan Kahwin Campur dalam Kalangan Masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah juga membuktikan toleransi etnik dalam masyarakat di Sabah adalah tinggi. Asas kepada dapatan kajian ini adalah berdasarkan amalan kahwin campur yang tinggi dalam masyarakat di Kota Kinabalu. Untuk membuktikan toleransi etnik yang tinggi atau

rendah dalam masyarakat salah satunya adalah menjelaskan tentang kesanggupan masyarakat untuk berkahwin campur ataupun menjelaskan amalan kahwin campur dalam masyarakat. Kajian ini telah mendapati amalan kahwin campur dalam kalangan penduduk di Kota Kinabalu adalah tinggi. Rekod perkahwinan yang didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) pada tahun 2014 sehingga tahun 2018 menunjukkan perkahwinan campur bukan sahaja berlaku antara kaum atau etnik tetapi juga melibatkan antara berbeza kewarganegaraan. Selain itu rekod perkahwinan dengan pasangan yang bertukar agama juga tinggi. Manakala responden kajian yang melibatkan penduduk bumiputera di Kota Kinabalu juga memperlihatkan pola alaman kahwin campur yang tinggi dalam keluarga mereka. Perkahwinan campur tersebut selari dengan data JHEAINS yang juga memperlihatkan pola perkahwinan campur antara kaum, kewarganegaraan dan juga agama yang berbeza (sekiranya bukan Islam berkahwin dengan Islam maka perlu bertukar agama).

Kesimpulan

Bersandarkan diskusi dan analisis daripada kajian-kajian lepas yang diterangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa toleransi etnik di Sabah terbukti adalah tinggi seperti mana yang diwar-warkan oleh media dan pemimpin-pemimpin sama ada dari Sabah maupun dari Semenanjung Malaysia. Kajian-kajian lepas yang telah diterangkan memberikan data dan dapatan kajian yang menunjukkan tolesansi etnik adalah tinggi. Untuk menjelaskan sebab keadaan tersebut berlaku maka ia perlu difahami daripada pelbagai aspek. Faktor di peringkat makro seperti sejarah pembentukan masyarakat, komposisi penduduk, sistem politik dan elemen struktural lain perlu diambil kira. Demikian juga aspek mikro yang beroperasi di peringkat harian masyarakat juga amat penting difahami seperti penerimaan individu terhadap perbezaan, keselesaan, interaksi dan perkahwinan campur. Maka dengan itu, cadangan untuk penyelidikan berkaitan toleransi etnik di Sabah perlu dipergiatkan lagi untuk memahami masyarakat di Sabah dan hasil daripada kajian boleh dijadikan panduan serta garis panduan untuk mewujudkan keadaan yang harmoni antara pelbagai kaum di Malaysia.

Rujukan

- Astuti, R. (1995). The Vezo Are Not A Kind of People: Identity, Difference and Ethnicity Among A Fishing People of Western Madagaskar. *American Ethnologist*, 464-482.
- Barth, F. (1969). The Sociology of Ethnicity. London: Sage Publications Ltd.
- Barth, F. (1969). Ethnicity Analyzed: An Application of Barth and Cohen
- Bogardus, E. (1925). Social Distance and It's Origins. *Journal Of Sociology and Social Research*. 9, 216-225.
- Bottero, W. & Prandy, K. 2003. Social Interaction Distance and Stratification. *British Journal of Sociology*, 54(2), 177-197.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2008). Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes terhadap pelajar Bumiputera Bajau dan Kadazan di Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikrot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun Di Sabah:Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. *MANU*, 27, 93-120.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur Dalam Kalangan Masyarakat Di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9), 149-162.
- Chua B. S., Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2016). Persepsi Kumpulan Multietnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. *Jurnal MANU*, 24, 111-145
- Cockerham, W. C. 1995. *The Global Society: An Introduction To Sociology*. University Alabama Birmingham. McGraw-Hill, Inc.
- Cohen, R. 1978. Ethnicity: Problem And Focus In Anthropology. *Annual Review of Anthropology*, 7, 379-403.
- Deng, F. M. (1997). *Race and Ethnic Relations*. Catholic University of America: Dushkin/ McGraw-Hill.
- Eriksen, T. H. (1993). *Ethnicity and Nationalism: Anthropological Perspective*. London: Pluto.

- Gordon, M. M. (1964). *Society In Focus (Fourth Editions)*. Boston Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Halipah Hamzah. (2016). Kajian Hubungan Etnik Dalam Kalangan Remaja Muslim. *Jurnal Academia UiTMT*, 5(1), 1-13.
- Hamdah Ab Rahman et.al. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54(1), 65-76.
- Hasan Mat Nor (2007). Agama dan Hubungkaitnya Dengan Toleransi Etnik Di Sabah dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan.
- Kntayya Mariappan (2007). Tahap Toleransi Etnik Di Sabah: Analisis Awal dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan.
- Malesevic, S. (20040. *The Sociology of Ethnicity*. London: Sage Publications Ltd.
- McFarland, D. & Brown, D. (1973). *Social Distance As A Metric: A Systematic Introduction To Smallest Space Analysis* dalam Lauman, E. O. (Ed). *Bond of Pluralism*. New York: John Wiley.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan (The Challenges Of Multi-Racial Integration In Malaysia: Historical, Family And Education Perspective). *Jurnal Hadari Bilangan*, 3, 61-84
- Ossowski, S. (1963). Class Structure In The Social Consciousness. London: Routledge & Kegan Paul.
- Prandy, K. 1999. The Social Interaction Approach To The Measurement and Analysis of Social Stratification. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 19, 215-249.
- Sarjit S.Gill. (2001). Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Sari, Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 19, 189-203.
- Shamsul A.B. (2008) Hubungan etnik di Malaysia: Mencari Kejernihan dalam Kekeruhan. Kertas Latar yang pernah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara, anjuran JPNIN, 18 Oktober 2008 di Kota Kinabalu, Sabah.
- Sorokin, P. (1972). *Stratification Social Division and Inequality*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Suraya Wen. (2014). Kajian Mengenalpasti Isu Dan Punca Konflik Yang Mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat Di Malaysia Bagi Tahun 2011 Dan 2012. Tesis Sarjana Sastera (Sosiologi) Universiti Utara Malaysia 06010 Sintok, Kedah Darul Aman Oktober 2014
- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd Tamring, (2015). Menjana Keharmonian Melalui Kahwin Campur: Kajian Kes Di Daerah Keningau. Laporan Kajian Geran SBK0113-SS-2013 UMS
- Suresh Kumar N Vellymalay (2014). Etnisiti Dan Interaksi Sosial Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik di Bilik Darjah. *Journal of Human Capital Development*, 7(2), 47-61.
- Verdery, K. (1994). *The Anthropology of Ethnicity. Beyond Ethnic Groups and Boundries*. Amsterdam: Het Spinhuis.